

Headline	Masjid disaran jana ekonomi		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)	Language	Malay
Date	23 Apr 2016	Readership	60,000
Circulation	20,000	Page No	39
Section	NEWS	Journalist	N/A
ArticleSize	262 cm ²		
PR Value	RM 4,362		



Masjid disaran jana ekonomi

Usaha tanaman jangka panjang seperti kelapa sawit, getah



Tengku Abdullah menandatangani plak sebagai simbolik perasmian Masjid Ar Rahman Sultan Haji Ahmad Shah, Kampung Gua, semalam.

KAMPUNG GUA - Pengurusan masjid disaran melaksanakan aktiviti perniagaan yang boleh menjana ekonomi sebagai langkah mengimarahkan institusi berkenaan.

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, jawatan kuasa masjid boleh membuat pendekatan dengan menggunakan projek tanaman jangka masa panjang seperti kelapa sawit dan getah.

Titahnya, melalui cara itu pengurusan masjid tidak perlu lagi bergantung kepada sumbangan wang daripada kerajaan negeri dan derma orang ramai.

"Jika kita lihat keadaan masjid dan surau kurang bersih dan cantik kerana jarang diselenggarakan dengan baik disebabkan kekurangan peruntukan.

"Lantaran itu, kita meng-

galakkan agar jawatankuasa masjid merencana kegiatan ekonomi kepada penduduk tempatan sekali gus membantu mendekatkan golongan muda pada aktiviti masjid," katanya.

Baginda bertitah, melalui aktiviti ekonomi yang bakal dijalankan akan mempelbagaikan lagi fungsi masjid dan tidak hanya sebagai tempat ibadat serta majlis ilmu.

Tengku Abdullah bertitah demikian sempena Majlis Perasmian Masjid Ar Rahman Sultan Haji Ahmad Shah Kampung Gua di sini, semalam.

Sempena majlis itu baginda turut berkenan menyampaikan wang zakat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) kepada 200 penerima terdiri daripada golongan kurang bernasib baik.

Titahnya lagi, ekoran fenomena El-Nino yang melanda,

jawatankuasa masjid juga disaran berbincang bersama pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk meletakkan sistem solar di setiap masjid.

"Usaha ini sebagai alternatif bagi mengurangkan kos perbelanjaan bil elektrik yang ditanggung oleh pengurusan masjid," titahnya.

Dalam pada itu, Tengku Abdullah bertitah, jawatan kuasa masjid dan surau perlu mencari jalan terbaik bagi merancang pelbagai aktiviti menarik untuk mengajak umat Islam bertandang ke rumah ALLAH itu.

"Usaha mengimarahkan masjid dan surau perlulah berterusan. Kita harap lebih ramai golongan muda melihat kepentingan dan keperluan itu kerana mereka merupakan pewaris masa depan yang perlu dibekalkan dengan ilmu pengetahuan agama," titahnya.